

# PERISYTIHARAN JUALAN

DALAM PERKARA MENGENAI SURAT IKATAN PENYERAHAN HAK (DENGAN CARA KESELAMATAN), PERJANJIAN JUALAN HARTANAH DAN PERJANJIAN PEMBELIAN HARTANAH KESEMUANYA BERTARIKH 23HB FEBRUARI 2007

Antara

LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM  
(dahulunya dikenali sebagai Bahagian Pinjaman Perumahan, Perbendaharaan Malaysia)

PEMEGANG SERAHHAK/PEMBIAYA

MOHAMAD IDRIS BIN MOHAMED RAZALLI (NO. K/P: 670501-08-6133/A0711839)

PIHAK PENYERAH HAK/ PELANGGAN

Dalam menjalankan hak dan kuasa yang telah diberikan kepada Pemegang Serahhak/Pembiaya di bawah Surat Ikatan Penyerahan Hak (Dengan Cara Keselamatan), Perjanjian Jualan Hartanah dan Perjanjian Pembelian Hartanah kesemuanya bertarikh 23hb Februari 2007 di antara Pemegang Serahhak/Pembiaya dan Penyerahhak/Pelanggan berkenaan dengan Perjanjian Jual-Beli diantara Sunway City (Ipoh) Sdn. Bhd. (219749-M) ("Pihak Penjual") dan MOHAMAD IDRIS BIN MOHAMED RAZALLI (NO. K/P: 670501-08-6133/A0711839) ("Pihak Pembeli") bertarikh 4hb Julai 2005 adalah dengan ini diisytiharkan bahawa Pihak Pemegang Serahhak/Pembiaya tersebut dengan bantuan Pelelong yang tersebut di bawah

## AKAN MENJUAL HARTANAH YANG DIHURAIKAN DI BAWAH SECARA LELONGAN AWAM

PADA 25HB FEBRUARI, 2026 BERSAMAAN HARI RABU, JAM 9.00 PAGI  
DI ARENA AUCTIONEERS.COM

&

(Pendaftaran pembida dan pembayaran deposit hendaklah di buat sekurang-kurangnya satu (1) hari bekerja sebelum tarikh lelongan, selewat-lambatnya pada pukul 5 petang; Jika tidak, Pelelong mempunyai hak untuk menolak pendaftaran. Pembida dikehendaki untuk log masuk pautan yang diberikan dan diminta bersedia sebelum masa lelongan.) Bakal pembeli adalah selanjutnya tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di [arenauctioneers.com](http://arenauctioneers.com)

- NOTA :**
- (1) Sebelum jualan lelong, bakal-bakal pembeli adalah dinasihatkan agar:-  
(i) memeriksa Hartanah tersebut (ii) mendapatkan pengesahan daripada Pihak Pemaju/Tuantanah dan/atau Pihak berkuasa berkenaan samada ketetapan butir-butir Hartanah tersebut adalah betul (iii) membuat carian hakmilik secara rasmi (iv) mendapatkan salinan Syarat-syarat Jualan daripada Pihak Pelelong dan meminta nasihat daripada Pihak Guaman dalam semua perkara berkenaan dengan jualan lelongan termasuk Syarat-Syarat Jualan.
  - (2) Setakat tarikh lelong, kebenaran (jika bersesuaian) daripada Pihak Pemaju/Tuanpunya dan/atau pihak berkuasa berkenaan masih belum diperolehi, walaubagaimanapun adalah menjadi tanggungjawab dan liabiliti pembeli yang berjaya untuk mendapatkan kebenaran/pindahmilik (jika bersesuaian) berkenaan dengan lelongan daripada Pihak Pemaju/Tuanpunya dan/atau pihak berkuasa berkenaan. Bakal Pembeli adalah dinasihatkan untuk membuat pertanyaan daripada Pihak Pemaju dan/atau pihak berkuasa berkenaan, samada hakmilik strata/individu hartanah tersebut telah dikeluarkan dan/atau samada Pihak Pemaju bersetuju untuk memberi pindah milik terus atau sebaliknya, samada atau tidak hartanah tersebut dikhaskan untuk kaum Bumiputera sahaja dan/atau hartanah kos rendah/ sederhana dan samada atau tidak pembida mampu dan layak untuk membeli hartanah tersebut, sebelum membuat tawaran. Hartanah yang mana dikhaskan kepada Bumiputera sahaja hanya Bumiputera atau kepunyaan firma atau korporat Bumiputera sahaja akan dibenarkan untuk membuat tawaran dilelongan tersebut.
  - (3) Bagi Bukan Warganegara Malaysia/Syarikat Asing/Penduduk Tetap, bakal Pembeli hendaklah mendapatkan kebenaran untuk membeli daripada Pihak Berkuasa berkenaan sebelum lelongan.
  - (4) Pihak Pembeli adalah bertanggungjawab memohon kebenaran untuk pindahmilik daripada Pihak Pemaju/Tuantanah atau pihak berkuasa berkenaan, jika bersesuaian.

### BUTIR-BUTIR HAKMILIK

|                         |                                                                                                                                                      |
|-------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| HAKMILIK STRATA         | : Sudah dikeluarkan                                                                                                                                  |
| NO. HAKMILIK STRATA/LOT | : Pajak Negeri 335974/M3/1/63, Lot 359257, Mukim Hulu Kinta, Daerah Kinta, Negeri Perak Darul Ridzuan, bersara dengan No. Petak Aksesori A116        |
| NO. PETAK PEMAJU        | : No. Petak M3-T1-63, Blok A10 (M3), No. Tingkat T1                                                                                                  |
| KELUASAN LANTAI         | : 872 k.p / 81 m.p                                                                                                                                   |
| PENJUAL                 | : SUNWAY CITY (IPOH) SDN. BHD. (219749-M)                                                                                                            |
| PEMAJU                  | : SUNWAY CITY (IPOH) SDN. BHD. (219749-M)                                                                                                            |
| EMILIK BERDAFTAR        | : SUNWAY CITY (IPOH) SDN. BHD. (219749-M)                                                                                                            |
| EMILIK BENEFISIAL       | : MOHAMAD IDRIS BIN MOHAMED RAZALLI (NO. K/P: 670501-08-6133/A0711839)                                                                               |
| SEBANAN                 | : Telah diserahkan kepada LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (dahulunya dikenali sebagai Bahagian Pinjaman Perumahan, Perbendaharaan Malaysia) |
| PEGANGAN                | : Pajak 99 tahun tamat tempoh pada 10hb Ogos 2103                                                                                                    |
| KATEGORI KEGUNAAN TANAH | : Bangunan                                                                                                                                           |
| SYARAT NYATA            | : Kediaman - Tapak Pangsapuri                                                                                                                        |
| SEKATAN KEPENTINGAN     | : Tanah ini boleh dipindahmilik atau dipajak dengan kebenaran bertulis oleh Pihak Berkuasa Negeri.                                                   |

### LOKASI DAN PERIHAL HARTANAH:

Hartanah tersebut adalah Unit Pangsapuri Tiga Bilik Tidur Terletak Di Tingkat Bawah beralamat pos di Unit No. C-G-5, Persiaran Lagun Sunway, Pangsapuri Desa Alpine, Bandar Sunway, 31150 Ulu Kinta, Perak Darul Ridzuan.

### HARGA RIZAB:

Hartanah tersebut akan dijual dalam keadaan "seperti mana sedia ada" dan tertakluk kepada satu harga rizab sebanyak RM225,000.00 (RINGGIT MALAYSIA: DUA RATUS DUA PULUH LIMA RIBU SAHAJA) dan tertakluk kepada Syarat-Syarat Jualan dengan cara Penyerahhak dari Pemegang Serahhak/Pembiaya dan tertakluk kepada Penawar / Pembida memperoleh kelulusan untuk pindahmilik daripada Pihak Berkuasa yang berkenaan, sekiranya ada termasuk semua terma, syarat-syarat stipulasi, waad di mana mungkin yang akan dikenakan oleh Pihak Berkuasa. Tertakluk kepada Syarat-Syarat Jualan, segala tunggakan cukai tanah, cukai taksiran dan caj perkhidmatan/penyenggaraan sahaja yang mungkin dikenakan oleh Pemaju atau Pihak Berkuasa yang berkenaan setakat tarikh lelong/jualan akan dibayar daripada harga pembelian. Segala bayaran lain berhubung dengan pindahmilik hendaklah ditanggung oleh Pembeli.

### JEPOSIT:

Penawar-penawar yang berminat adalah dikehendaki mendeposit 10% daripada harga rizab secara pindahan bank tempatan ("local bank transfer") kepada akaun berikut:-

- |                |                                              |
|----------------|----------------------------------------------|
| i) Akaun       | : ARENA AUCTIONEERS SDN BHD (BIDDER DEPOSIT) |
| ii) Bank       | : MALAYAN BANKING BERHAD                     |
| iii) No. Akaun | : 5620-8563-6477                             |

Bukti pembayaran hendaklah dimuatnaik sebelum pendaftaran ditutup.

UNTUK MENDAPATKAN BUTIR-BUTIR SELANJUTNYA, sila berhubung dengan Tetuan NORALI & CO, Peguamcara bagi Pemegang Serahhak/Pembiaya yang beralamat di No. 71, Jalan Keliling, Taman Canning, 31400 Ipoh, Perak [No. Ruj: N2C/L/LPPSA/144/2024] (No. Tel: 05-545 4310) atau Pelelong yang tersebut di bawah:-

ARENA AUCTIONEERS SDN. BHD. (201401016251 (1092337-00))

ADDRESS : No. 20-2, Jalan Matahari AB U5/AB, Seksyen U5, Bandar Pinggiran Subang, 40150 Shah Alam, Selangor.  
TEL NO. : 03-7845 5890 / 03-7842 2137 / 03-7832 4047, WEBSITE : [arenauctioneers.com](http://arenauctioneers.com)  
EMAIL : [aasb@arenauctioneers.com](mailto:aasb@arenauctioneers.com), LOT ID : 46948  
REF NO. : AASB0093/LPPSA (MEGA)/006/001/26-N01(BK-2)

HJ ZULKANAIN BIN ABD KADII  
[Pelelong Berlesen]  
012-327-5047

# PROCLAMATION OF SALE

IN THE MATTER OF THE DEED OF ASSIGNMENT (BY WAY OF SECURITY), PROPERTY SALE AGREEMENT AND  
PROPERTY PURCHASE AGREEMENT ALL DATED 23RD DAY OF FEBRUARY 2007

Between

ASSIGNEE / FINANCIER

LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM  
formerly known as Bahagian Pinjaman Perumahan, Perbendaharaan Malaysia)

And

ASSIGNOR/CUSTOMER

MOHAMAD IDRIS BIN MOHAMED RAZALLI (NRIC NO.:  
670501-08-6133/A0711839)

in the exercise of the rights and powers conferred upon the Assignee/Financier under the Deed of Assignment (By Way of Security), Property Sale Agreement and Property Purchase Agreement all dated 23rd day of February 2007 entered into between the Assignee/Financier and the Assignor/Customer, in relation to Sale and Purchase Agreement dated 4th day of July 2005 entered into between Sunway City (Ipoh) Sdn. Bhd. (219749-M) ("The Vendor") and MOHAMAD IDRIS BIN MOHAMED RAZALLI (NRIC NO.: 670501-08-6133/A0711839) ("The Purchaser") it is hereby proclaimed that the Assignee/ Financier with the assistance of the undermentioned Auctioneer

**WILL SELL THE PROPERTY DESCRIBED BELOW BY**

**PUBLIC AUCTION**

**VIA ONLINE BIDDING**

**WEDNESDAY, THE 25TH FEBRUARY, 2026, AT 9.00 AM IN THE MORNING,  
AT ARENAAUCTIONEERS.COM**

**&**

(Bidder registration and payment of auction deposit must be made by 5pm, at least one (1) working day before auction date; otherwise the Auctioneer has the right to reject the registration. Bidders are advised to log in to the online bidding hyperlink provided and be on standby before the auction time) Bidders are further subject to the terms and conditions on arenaauctioneers.com

- Note :** (1) Prior to the auction sale, all intending bidders are advised to: -  
(i) inspect the subject Property (ii) obtain confirmation from the Developer/Landowner and/or other relevant authorities as to the correctness of the particulars of the Property (iii) conduct an official title search (iv) obtain a copy of the Conditions of Sale from the Auctioneer and seek independent legal advice on all matters in connection with the auction sale, including the Conditions of Sale.  
(2) As at the auction date, consent (if applicable) from the Developer/Proprietor and/or the relevant authorities is yet to be obtained, however it is the responsibility and liability of successful bidder to obtain the consent/transfer (if applicable) pertaining to the auction from the Developer/Proprietor and/or the relevant authorities. The onus is on all intending bidders to seek confirmation from the Developer and/or relevant authorities, whether the individual/strata title of the property has been issued and/or whether the Developer is agreeable for a direct transfer or otherwise, whether or not the Property is reserved for Bumiputra only and/or is a low /medium cost property and whether or not the Intending bidder is eligible and qualified to purchase the property, prior to the auction. Where the Property is reserved for Bumiputra only, only Bumiputras or wholly owned Bumiputra body corporate or firm are allowed to bid.  
(3) For Foreign Citizen/Foreign Company/Permanent Resident, intending Bidders shall obtain consent to purchase from the relevant authorities prior to the auction.  
(4) The Purchaser shall be responsible to apply for consent for the transfer in favour of the Purchaser from the Developer/Landowner or other relevant authorities, if applicable.

## PARTICULARS OF TITLE

|                            |                                                                                                                                                         |
|----------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| STRATA TITLE               | : Has been issued                                                                                                                                       |
| STRATA TITLE NO. & LOT NO. | : Pajak Negeri 335974/M3/1/63, Lot 359257, Mukim of Hulu Kinta, District of Kinta, State of Perak Darul Ridzuan together with Parcel Accessory No. A116 |
| DEVELOPER'S PARCEL NO.     | : Parcel No. M3-T1-63, Block A10 (M3), Storey No. T1                                                                                                    |
| FLOOR AREA                 | : 872 sq. ft / 81 sq. m                                                                                                                                 |
| ENDORSEMENT                | : Sunway City (Ipoh) Sdn. Bhd. (219749-M)                                                                                                               |
| DEVELOPER                  | : Sunway City (Ipoh) Sdn. Bhd. (219749-M)                                                                                                               |
| REGISTERED PROPRIETOR      | : Sunway City (Ipoh) Sdn. Bhd. (219749-M)                                                                                                               |
| BENEFICIAL OWNER           | : MOHAMAD IDRIS BIN MOHAMED RAZALLI (NRIC NO.: 670501-08-6133/A0711839)                                                                                 |
| ENCUMBRANCE                | : Assigned to LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (formerly known as Bahagian Pinjaman Perumahan, Perbendaharaan Malaysia)                         |
| TENURE                     | : 99-year leasehold interest expiring on 10th August 2103                                                                                               |
| CATEGORY OF LAND USE       | : "Bangunan"                                                                                                                                            |
| EXPRESS CONDITIONS         | : "Kediaman - Tapak Pangsapuri"                                                                                                                         |
| RESTRICTION IN INTEREST    | : "Tanah ini boleh dipindahmilik atau dipajak dengan kebenaran bertulis oleh Pihak Berkuasa Negeri."                                                    |

## LOCATION AND DESCRIPTION:

The subject property is A Three-bedroom Walk-up Apartment Unit Situated On The Ground Floor bearing postal address Unit No. C-G-5, Persiaran Laguna Sunway, Pangsapuri Mesa Alpine, Bandar Sunway, 31150 Ulu Kinta, Perak Darul Ridzuan.

## RESERVE PRICE:

The property will be sold on an "as is where is" basis and subject to a reserve price of **RM225,000.00 (RINGGIT MALAYSIA: TWO HUNDRED TWENTY FIVE THOUSAND ONLY)** and subject to the Conditions of Sale and by way of an Assignment from the above Assignee/ Financier subject to the approval being obtained by the Bidder from the relevant authorities if any, including all terms, conditions, stipulations and covenants which were and may be imposed by the relevant authorities. **Subject to the terms and conditions stated in the Conditions of Sale, any arrears of quit rent, assessments and service/maintenance charges only which may be lawfully due to the Developer or the relevant authorities up to the date of successful sale of the subject property shall be paid out of the purchase money. All other fees, costs and charges relating to the transfer and assignment of the property shall be borne solely by the successful Purchaser..**

## DEPOSIT:

All intending bidders are required to deposit 10 % from the reserve price via local bank transfer in favour of:-

|                   |                                              |
|-------------------|----------------------------------------------|
| i) Account's Name | : ARENA AUCTIONEERS SDN BHD (BIDDER DEPOSIT) |
| ii) Bank          | : MALAYAN BANKING BERHAD                     |
| iii) Account No.  | : 5620-8563-6477                             |

Evidence of transfer must be uploaded and submitted before the registration closed.

FOR FURTHER PARTICULARS, please contact Messrs NORALI & CO of No. 71, Jalan Keliling, Taman Canning, 31400 Ipoh, Perak. [Ref No.: N2C/L/LPPSA/144/2024] (Tel No.: 05-545 4310), Solicitors for the Assignee/Financier herein or the undermentioned Auctioneer.

ARENA AUCTIONEERS SDN. BHD. (201401016251 (1092327-50))

ADDRESS : No. 20-2, Jalan Matahari AB U5/AB, Seksyen U5, Bandar Pinggiran Subang, 40150 Shah Alam, Selangor.  
TEL NO. : 03-7845 5890 / 03-7842 2137 / 03-7832 4047, WEBSITE : arenaauctioneers.com  
EMAIL : aasb@arenaauctioneers.com, LOT ID : 46948  
REF NO. : AASB0093/LPPSA (MEGA)/006/001/26-N01(BK-2)

HJ ZULKANAIN BIN ABD KADII  
[Licensed Auctioneers  
012-327-504]

# SYARAT-SYARAT JUALAN

Jualan ini dibuat oleh **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (LPPSA)** (Pemegang Serahhak/Pembiaya) dalam melaksanakan hak-hak dan kuasa yang diberikan kepada Pemegang Serahhak/Pembiaya menurut **Surat Ikatan Penyerahan Hak (Dengan Cara Keselamatan), Perjanjian Jualan Hartanah dan Perjanjian Pembelian Hartanah kesemuanya bertarikh 23hb Februari 2007** yang dilaksanakan **MOHAMAD IDRIS BIN MOHAMED RAZALLI (NO. K/P : 670501-08-6133/A0711839)** (Penyerahhak/Pelanggan) yang memihak kepada Pemegang Serahhak/Pembiaya dan dibuat tertakluk kepada semua syarat-syarat dan kategori kegunaan tanah, nyata dan/atau tersirat dan/atau dikenakan ke atasnya dan/atau yang berkaitan dengan dan/atau melibatkan Hartanah tersebut.

## 1. Harga Rizab

Jualan ini adalah tertakluk kepada harga rizab.

## 2. Penawaran

- Tiada bidaan boleh ditarik balik atau lebih rendah daripada tawaran sebelum yang terakhir.
- Tertakluk kepada harga rizab, Pelelong hendaklah menetapkan jumlah wang yang memulakan bidaan dan mengawal setiap kenaikan tawaran berikutnya.
- Pelelong boleh menolak mana-mana tawaran atau tawaran tanpa memberi sebarang sebab.
- Tertakluk kepada Syarat-syarat ini, pembida tertinggi (yang diisytiharkan sedemikian oleh Pelelong) adalah **Penawar yang Berjaya**.

## 3. Hak Pemegang Serahhak/Pembiaya

Pemegang Serahhak/Pembiaya mempunyai hak yang berikut:

- Untuk membuat tawaran tanpa perlu mendepositkan dengan Pelelong yang diperlukan **sepuluh peratus (10%)** daripada harga rizab, dengan sendirinya atau ejennya. Sekiranya bahawa Pemegang Serahhak/Pembiaya adalah Penawar yang Berjaya dan diisytiharkan oleh Pelelong, Pemegang Serahhak/Pembiaya mempunyai kebebasan untuk menolak harga pembelian dengan amaran yang kena dibayar dan terhutang oleh Penyerah Hak/Pelanggan di bawah Dokumen Sekuriti dan segala kos dan perbelanjaan, berkaitan dengan dan hasil daripada jualan itu;
- Mana-mana pihak atau syarikat yang berkaitan dengan Pihak **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (LPPSA)** yang ingin membuat tawaran atau bidaan di lelongan awam adalah dikecualikan daripada mematuhi peruntukan dalam Klausa 5(b), 8(a) dan 14 (b) bagi Syarat-syarat Jualan ini. Jika Syarikat Berkaitan **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM** adalah Penawar yang Berjaya:
  - Suatu jumlah yang bersamaan dengan 10% daripada harga rizab hendaklah dibayar dengan cara pemindahan dana: dan
  - Baki Harga Belian hendaklah dibayar dengan cara pemindahan dana syarikat berkaitan **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM** dalam tempoh seratus dua puluh hari (120) hari dari tarikh jualan atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Pemegang Serahhak/Pembiaya (jika ada)
- Untuk menarik balik, menangguhkan, membatalkan atau menangguhkan jualan lelong hartanah pada bila-bila masa sebelum tarikh lelongan dan sebelum kejatuhan tukul dengan atau tanpa memberi sebarang notis; dan
- Untuk menjual hartanah ditarik balik pada bila-bila masa atau masa tertakluk kepada syarat-syarat dan peruntukan sama ada serupa atau berbeza keseluruhannya atau sebahagiannya daripada syarat-syarat dan ketentuan yang berlaku kepada Hartanah untuk dilelong di lelongan ini dan dalam apa-apa cara yang Pemegang Serahhak/Pembiaya difikirkannya patut.
- Untuk membatalkan jualan lelong hartanah selepas ketukan tukul dengan memberi notis secara bertulis.

## 4. Pengeluaran Bidaan

Mana-mana pembida yang telah membuat tawaran dan menarik diri sebelum kejatuhan tukul semasa lelongan dijalankan, akan menyebabkan deposit beliau sama dengan 10% daripada harga rizab dilucuthak sebagai ganti rugi bersetuju untuk pembayaran kepada Pemegang Serahhak/Pembiaya. Pelelong berhak untuk meletakkan semula hartanah untuk dijual pada tawaran dipertikaikan terakhir, atau sebaliknya untuk menangguhkan lelongan untuk tarikh yang lain.

## 5. Sebelum lelongan

- Pemegang Serahhak/Pembiaya mempunyai hak mutlak pada bila-bila masa untuk mengubah atau menambah butir-butir dan/atau syarat-syarat jualan;
- Semua Penawar (dengan pengecualian daripada Pemegang Serahhak/Pembiaya) hendaklah mendepositkan dengan Pelelong jumlah yang bersamaan dengan 10% daripada harga rizab secara pindahan bank tempatan ('local bank transfer') kepada akaun berikut:-

|                |                                              |
|----------------|----------------------------------------------|
| i) Akaun       | : ARENA AUCTIONEERS SDN BHD (BIDDER DEPOSIT) |
| ii) Bank       | : MALAYAN BANKING BERHAD                     |
| iii) No. Akaun | : 5620-8563-6477                             |

Bukti pembayaran hendaklah dimuatnaik sebelum pendaftaran ditutup.

- Mana-mana penawar yang ingin membuat bidaan bagi pihak orang perseorangan, badan berkanun atau syarikat, adalah dikehendaki mengemukakan surat kuasa wakil kepada pelelong ketika pendaftaran secara atas talian dilakukan. Surat wakil tersebut hendaklah mengesahkan penawar telah diberi kuasa untuk membuat bidaan dan menandatangani semua dokumen yang berkaitan. Bagi syarikat, wakil / ejen hendaklah mengemukakan borang 24, 44, 49, Resolusi Syarikat dan memorandum Syarikat;
- Semua Penawar dikehendaki menunjukkan kad pengenalan / MyKad yang asal mereka kepada Pelelong untuk mengenal pasti, jika tidak, mereka tidak berhak untuk membuat tawaran;

## 6. Larangan Untuk Bertindak/Bidaan

- Tiada bankrap dibenarkan untuk membuat tawaran atau bertindak sebagai ejen. Sekiranya seorang si-bankrap membuat tawaran atau bertindak sebagai ejen berhubung dengan penjualan hartanah, deposit yang dibayar, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah dilucut hak kepada Pemegang Serahhak/Pembiaya dan hartanah itu hendaklah dijual semula.
- Warganegara Asing / Syarikat Asing / Penduduk Tetap hanya dibenarkan untuk membida hartanah dengan persetujuan / kelulusan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa Pelaburan asing, dan / atau Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan / atau pihak berkuasa yang berkenaan dan Pemegang Serahhak/Pembiaya / Pelelong / peguamcara Pemegang Serahhak/Pembiaya hendaklah pada setiap masa tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kegagalan / penolakan / pengabaian oleh Warganegara Asing / Syarikat Asing / Penduduk Tetap Luar untuk memohon dan / atau mendapatkan kelulusan / persetujuan itu. Sekiranya Warganegara Asing / Syarikat Asing / Penduduk Tetap, membuat tawaran untuk hartanah itu, tanpa kelulusan yang diperlukan / persetujuan maka Deposit yang dibayar akan dilucuthak oleh Pemegang Serahhak/Pembiaya dan hartanah akan dijual semula.

- c. Penawar hendaklah berumur 18 tahun dan ke atas. Kelayakan penawar adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang negeri yang sedia ada.

## 7. Jualan

Penawar yang Berjaya (kecuali di mana Pemegang Serahhak/Pembiaya adalah pembida) membida Hartanah tersebut hendaklah berakujanji untuk menandatangani borang Kontrak atau Memorandum dan membayar jumlah perbezaan (jika ada) antara jumlah sepuluh peratus (10%) daripada harga belian dan jumlah deposit sepuluh peratus (10%) yang dibayar di bawah Klausu 5b yang dinyatakan di atas, secara tunai atau dalam bentuk Bank Deraf atas nama **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM** atau melalui pemindahan perbankan atas talian untuk membentuk jumlah deposit sepuluh peratus (10%) daripada harga tawaran yang berjaya dan hendaklah dianggap sebagai deposit sebenar yang **DISEDIAKAN**, di pejabat Pelelong dalam masa (3) hari bekerja dari tarikh lelongan. Jika Penawar yang Berjaya gagal untuk menandatangani Memorandum itu dan/atau tidak membayar deposit sebenar tersebut, maka Klausu 9 hendaklah berkuat kuasa. Pelelong berhak untuk memegang Memorandum sehingga semua bayaran deposit sebenar tersebut telah ditunaikan.

## 8. Pelaksanaan

- a. Dalam tempoh 120 hari dari tarikh jualan lelong atau tempoh lanjutan yang diberikan oleh Pemegang Serahhak/Pembiaya (mengikut subjek tunggal Pemegang Serahhak/Pembiaya untuk pembayaran faedah pada kadar faedah yang perlu ditentukan oleh Pemegang Serahhak/Pembiaya), Pembeli hendaklah mendepositkan dengan Peguamcara yang dilantik oleh Pemegang Serahhak/Pembiaya secara serentak: sejumlah wang yang bersamaan dengan 90% daripada tawaran yang berjaya ("**Jumlah Baki**") dan faedah bagi tempoh lanjutan (jika ada) dibuat melalui bank deraf atas nama **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM** atau secara '**Real Time Electronics Transfer of Funds and Securities (RENTAS)**'. Permohonan tempoh lanjutan hendaklah dibuat oleh pembeli sekurang-kurangnya dua (2) minggu sebelum tarikh tamat tempoh; dan
- b. Setelah menerima keseluruhan wang pembelian merujuk kepada klausu 8 (a) diatas, dan tertakluk kepada kelulusan pemaju dan pihak yang berkaitan (sekiranya ada), Pemegang Serahhak/Pembiaya akan melaksanakan Penyerahanhak (dalam bentuk dan kandungan yang boleh diterima kepada Pemegang Serahhak/Pembiaya) dan menyerahkan Dokumen Sekuriti dan mana-mana dokumen lain yang berkaitan dalam simpanan Pemegang Serahhak/Pembiaya kepada Penawar yang Berjaya, tetapi tugas itu hendaklah disediakan oleh dan atas perbelanjaan Penawar yang Berjaya. Di mana berkenaan, Pemegang Serahhak/Pembiaya berhak untuk menambah atau meminda perjanjian mencukupi tanggung rugi dimasukkan dalam tugas supaya Penawar yang Berjaya boleh menanggung semua liabiliti dan obligasi yang berkaitan dengan hartanah. Pemegang Serahhak/Pembiaya tidak akan menyerahkan hartanah itu kepada mana-mana pihak selain daripada Penawar yang Berjaya.
- c. Tertakluk kepada Klausu 8 (a) & (b) di atas, hartanah yang masih / ada bayaran progresif tertunggak yang perlu dibayar kepada Pemaju, Penawar yang Berjaya hendaklah:-
- Sekiranya Penawar yang Berjaya memerlukan pinjaman untuk membolehkan Penawar yang Berjaya melengkapkan pembelian di dalam ini, Penawar yang Berjaya hendaklah dalam masa yang dinyatakan di atas, menyebabkan pembiaya Penawar yang Berjaya mengeluarkan surat akujanji untuk membayar bayaran progresif baki mengikut jadual Perjanjian Jual Beli Utama dibuat memihak kepada Pemaju dari pembiaya Penawar yang Berjaya untuk melepaskan Pemegang Serahhak/Pembiaya daripada akujanji yang asal;
  - Sekiranya Penawar yang Berjaya tidak memerlukan pinjaman untuk membolehkan Penawar yang Berjaya melengkapkan pembelian di dalam ini, Penawar yang Berjaya hendaklah dalam tempoh masa yang dinyatakan di atas, memberikan jaminan bank memihak kepada Pemaju atau membayar bayaran progresif baki kepada pemaju mengikut jadual Perjanjian Jual Beli Utama dan untuk melepaskan Pemegang Serahhak/Pembiaya daripada akujanji yang asal;
  - Sekiranya ada sebarang bayaran yang tertunggak dan harus dibayar kepada Pemaju selepas tarikh jualan, termasuk baki bayaran progresif yang belum dilepaskan ('undisbursed') mengikut jadual Perjanjian Jual Beli Utama, caj, faedah dan penalti akibat kelewatan oleh Penawar yang Berjaya/pembiaya Penawar yang Berjaya dalam memberikan sebarang akujanji / bayaran yang dinyatakan dalam Klausu 8 (c) i) atau Klausu 8 (c) ii) di atas, di mana bayaran tersebut perlu dibayar oleh Penawar yang Berjaya.
  - Sekiranya Penawar yang Berjaya, gagal dan / atau kecuai dan / atau enggan mendapatkan surat akujanji / jaminan bank / bayaran yang tersebut dalam cara dan pada masa yang ditetapkan dalam Klausu 8 (c) i) atau Klausu 8 (c) ii) di atas, Pemegang Serahhak/Pembiaya berhak untuk membatalkan jualan melalui notis secara bertulis kepada Penawar yang Berjaya, dimana Deposit yang disebut dalam Klausu 5 akan dilucutkan oleh Pemegang Serahhak/Pembiaya.
- d. Jika Penawar yang Berjaya menjadi bankrap atau meninggal dunia pada / sebelum Tarikh Penyelesaian atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Pemegang Serahhak/Pembiaya, Pemegang Serahhak/Pembiaya mempunyai hak dan budi bicara mutlak untuk melakukan perkara yang berikut:
- melucutkan Deposit berserta dengan faedah dan jualan lelongan ini akan dianggap ditamatkan dan tidak berkuat kuasa lagi; atau
  - setelah menolak segala perbelanjaan dalam menjalankan jualan lelong, membatalkan jualan dan membayar balik baki Deposit kepada harta pusaka si mati Penawar yang Berjaya (tertakluk kepada pengemukaan dokumen-dokumen berkaitan yang membuktikan kematian dan hak perwakilan harta pusaka si mati) atau Pegawai Pemegang Harta mengikut mana-mana yang berkenaan jika Penawar yang Berjaya ialah atau menjadi seorang bankrap; dan
  - Pemegang Serahhak/Pembiaya boleh menyelesaikan perkara itu dalam apa-apa cara lain yang Pemegang Serahhak/Pembiaya anggap patut dan keputusan Pemegang Serahhak/Pembiaya adalah muktamad.

## 9. Keingkaran

Jika Penawar yang Berjaya ingkar dalam mematuhi mana-mana syarat di atas atau membayar apa-apa wang yang harus dibayar, maka Pemegang Serahhak/Pembiaya boleh (tanpa menjejaskan hak-hak Pemegang Serahhak/Pembiaya bagi pelaksanaan spesifik) menganggap keingkaran tersebut sebagai penolakan kontrak dan menamatkan jualan tanpa notis di mana wang yang dibayar sebelum ini menurut Klausu 5 dan Klausu 7 (mengikut mana yang berkenaan) akan dilucutkan secara mutlak oleh Pemegang Serahhak/Pembiaya yang berhak untuk melelong semula hartanah tersebut dan kos seperti semula jualan tersebut dengan pengurangan harga (jika ada) akibat dengan penjualan semula, maka segala kos dan hutang yang hendak dibayar akan dikenakan kepada Penawar yang Berjaya yang ingkar.

## 10. Cukai Tanah & Lain-lain bayaran

- a. Tertakluk kepada Klausu 8 (c) di atas, apa-apa tunggakan cukai pintu, cukai tanah dan perkhidmatan / caj penyelenggaraan sahaja yang tertunggak kepada Pemaju atau pihak berkuasa yang berkenaan sehingga tarikh jualan hartanah tersebut akan ditanggung setelah menerima keseluruhan daripada wang pembelian dengan syarat Penawar yang Berjaya hendaklah mendapatkan salinan bil tersebut dan meminta bayaran daripada Pemegang Serahhak/Pembiaya dalam tempoh 120 hari dari tarikh jualan. Pemegang Serahhak/Pembiaya tidak akan bertanggungjawab untuk membuat pembayaran atau menolak daripada wang pembelian apa-apa utiliti/bil tertunggak yang berkaitan dengan hartanah seperti kos pentadbiran, sinking fund, air, elektrik, telefon, gas atau caj pembentungan dan lain-lain. Apa-apa jumlah wang yang kena dibayar dan perlu dibayar selepas tarikh jualan hendaklah ditanggung oleh Penawar yang Berjaya sama sekali. Penawar yang Berjaya hendaklah menanggung dan membayar semua yuran dan perbelanjaan termasuk tetapi tidak terhad kepada semua yuran guaman, duti setem dan yuran pendaftaran yang berkaitan dengan, bersampingan menurut harta / Penyerahhakan dan semua dokumen lain yang perlu bagi melaksanakan pemindahan atau memberikan pemilikan benefisial dalam harta itu kepada Penawar yang Berjaya.
- b. Tertakluk kepada klausu 8 (c) di atas, jika terdapat jumlah pembiayaan yang belum dilepaskan ('undisbursed') oleh Pemegang Serahhak/Pembiaya kepada Pemaju, Pemegang Serahhak/Pembiaya adalah dilepaskan dari sebarang obligasi dan/ atau liabiliti dan / atau tidak tertakluk atas apa-apa tanggungan untuk melepaskan apa-apa jumlah tuntutan lanjut yang belum dilepaskan (sekiranya ada) kepada Pemaju. Penawar yang Berjaya selanjutnya juga tidak boleh menuntut daripada Pemegang Serahhak/Pembiaya apa-apa jumlah tuntutan yang belum dilepaskan berkaitan harta tersebut.

- c. Walau apa pun yang dinyatakan perenggan 10(b) di atas, Pemegang Serahhak/Pembiaya boleh atas budi bicara penuhnya, sebaliknya membuat bayaran ke atas baki jumlah tuntutan yang belum dituntut sekiranya harta tersebut telah siap dibina sepenuhnya oleh Pemaju dan setelah wang harga belian diterima keseluruhan dengan syarat penawar yang berjaya hendaklah mendapatkan salinan bil tersebut dan meminta bayaran daripada Pemegang Serahhak/Pembiaya dalam tempoh 120 hari daripada tarikh jualan dan mengikut syarat-syarat lain yang berkuatkuasa (sekiranya ada).

#### 10A. Pengeluaran hakmilik strata / individu

- a. Penawar yang Berjaya hendaklah pada kos dan perbelanjaan sendiri memohon kepada pihak berkuasa berkenaan untuk mendapatkan kelulusan sekiranya pemindahan hakmilik strata / individu telah dikeluarkan.

#### 11. Kelulusan Pihak Berkuasa Berkenaan

Hartanah dijual tertakluk kepada Penawar yang Berjaya pada kos sendiri untuk memohon dan mendapatkan kelulusan (jika ada) daripada Pemilik Tanah dan / atau Pihak Berkuasa Negeri atau badan-badan lain yang berkaitan. Semua bayaran yang terhutang kepada Pemilik Tanah dan / atau Pihak Berkuasa Negeri atau badan-badan yang berkaitan hendaklah ditanggung dan dibayar oleh Penawar yang Berjaya secara mutlak. Penawar yang Berjaya berakujanji untuk memaklumkan Pemegang Serahhak/Pembiaya dan/atau peguamcaranya mengenai perkembangan permohonan tersebut. Tiada jaminan diberikan oleh Pemegang Serahhak/Pembiaya bahawa mana-mana kelulusan boleh diperolehi, tetapi sekiranya:

- a. Sebarang kelulusan yang tidak diperolehi daripada Pemilik Tanah dan / atau Pihak Berkuasa Negeri atau badan-badan lain yang berkaitan (selain daripada sebab-sebab yang boleh dikaitkan dengan apa-apa perbuatan keingkaran atau peninggalan oleh Penawar yang Berjaya apabila habis tempoh masa yang ditetapkan untuk penyempurnaan: atau
- b. Sebarang kelulusan daripada Pemilik Tanah dan / atau Pihak Berkuasa Negeri atau badan-badan lain yang berkaitan adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang tidak boleh diterima oleh Pemegang Serahhak/Pembiaya mengikut budi bicara mutlak; atau
- c. Jualan di dalam ini yang diketepikan bagi apa-apa sebab sekalipun oleh Pemegang Serahhak/Pembiaya atau melalui Perintah Mahkamah;

Tertakluk kepada Klausula 6 (b) di atas, Pemegang Serahhak/Pembiaya adalah berhak secara mutlak untuk membatalkan jualan dengan memberi Penawar yang Berjaya notis bertulis mengenainya, di mana:

- i) Jika sementara itu Penawar yang Berjaya telah mengambil hakmilik hartanah tersebut, maka Penawar yang Berjaya adalah bertanggung pada kos sendiri untuk mengembalikan harta itu kepada keadaan asal pada tarikh jualan lelongan, dan selepas itu secara aman untuk memulangkan hakmilik hartanah tersebut kepada Pemegang Serahhak/Pembiaya dalam tempoh 7 hari dari tarikh penyampaian notis untuk membatalkan jualan itu; dan
